

Isu kasino di Forest City

PM tegas tolak dakwaan beri lesen

POLEMIK lesen kasino di Forest City, Johor merupakan isu yang hangat diperdebatkan di media sosial. Tuduhan yang mendakwa Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan kasino berlesen di lokasi tersebut adalah tidak berasas.

Ia menimbulkan kekusaran khusus dari rakyat beragama Islam dan Melayu. Malah tidak kurang juga yang melabel PM mempersendakan agama Islam disebabkan fitnah yang telah dilemparkan.

Tampil menafikan tuduhan tersebut, tindakan Anwar dilihat sedikit sebanyak berjaya menutup gelombang fitnah daripada sumber media antarabangsa, *Bloomberg*.

Rakyat turut menarik nafas lega dengan penafian tersebut tambah lagi PM turut menegaskan tiada sebarang perancangan ke arah perkara tersebut.

“Tiada kasino berlesen..tipu.. tidak betul,” ujar beliau kepada media ketika menghadiri Majlis Madani Muhibah Aidilfitri di perkarangan Kementerian Komunikasi serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

Tambah Anwar sebuah agensi berita asing yang telah mengaitkan pihak tertentu dan mendakwa kerajaan merancang mengeluarkan lesen pengoperasian kasino di Forest City, Johor, perlu diambil tindakan yang sepatutnya.

“Mereka yang disentuh (dalam laporan itu) perlu mengambil tindakan sewajarnya,” jelas beliau ketika ditanya adakah kerajaan akan meminta agensi tersebut



ISU kasino yang didakwa bakal dibuka di Forest City boleh menjejaskan nama baik Johor. -Gambar hiasan

menarik balik laporan mereka atau mengenakan tindakan undang-undang.

Agensi berita yang berpangkalan di New York itu mendakwa pengasas Berjaya, Tan Sri Vincent Tan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Tay sedang dalam perbincangan dengan kerajaan untuk membuka sebuah kasino di Forest City.

Laporan tersebut turut menjelaskan perbincangan yang berlangsung berkenaan pemberian lesen tersebut masih dalam peringkat awal.

Sementara itu, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dalam satu kenyataan turut menegaskan tiada kasino akan dibuka atau beroperasi di negeri tersebut.

Malah beliau berharap isu

terbabit tidak lagi dipanjangkan kerana boleh menjejaskan nama baik Johor selain keharmonian masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum.

Sebagai info, Projek Forest City yang terletak di Gelang Patah bermula pada tahun 2015 dan sejumlah 28,000 unit kediaman telah siap dibina selain fokus utama pemaju kepada pulau buatan pertama seluas 560 hektar.